

Qalam

Bilangan 67 – Jamadī Thānīyah 1375 Februari 1956 – 60 sen

Majlis Islam Penasihat Kerajaan

Terbit daripada tulisan di majalah ini tentang ada sebahagian daripada ahli-ahli majlis Islam penasihat kerajaan Singapura “buta kayu di dalam perihal agama” nampaknya setiausaha majlis itu telah jawab mempertahankan nama semua ahli Majlis itu yang boleh disifatkan maksudnya seolah-olah ahli Majlis Islam itu semuanya daripada mereka yang dipandang layak menduduki Majlis itu. Kenyataan yang seperti itu, bagi orang-orang yang mengenal keadaan ahli-ahli Majlis itu, adalah seperti orang-orang yang hendak menutup kenyataan yang nyata.

Patut diketahui bahawa Majlis Islam penasihat kerajaan Singapura ini sememangnya telah ada sebelum perang dahulu dan terhenti dalam masa pertahanan Jepun sehingga lebih kurang pada tahun 1948 sebahagian orang-orang Islam yang terkemuka di Singapura membawa suatu suara kepada Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya meminta supaya kerajaan melantik semula Majlis Islam Penasihat Kerajaan. Masa itu Persekutuan Seruan Islam se-Malaya adalah menjadi tempat kerajaan bertanya di dalam perkara-perkara yang mengenai hal ehwal agama.

Unjuran seperti itu telah dibantah sebahagian ahli-ahli Jamiah yang radikal dengan memberi alasan bahawa lebih baik dituntut supaya kerajaan mengiktiraf Jamiah sebagai satu tubuh tempat ia meminta nasihat di dalam perkara-perkara agama kerana mereka memandang tidak munasabah Jamiah meminta dibentuk

satu tubuh sedang itu kelak terletak di atas dan harus meninggalkan sama sekali Jamiah di belakang. Tetapi kerana sebahagian orang tidak memandang perkara-perkara yang demikian akan berlaku maka akhirnya disetujui permohonan itu dengan mensuarakan nama-nama orang-orang yang patut dilantik menjadi ahli pula.

Sesudah bertubuh Majlis Islam Penasihat Kerajaan yang dipohonkan oleh Jamiah maka sehingga sekarang Jamiah terus terletak di belakang – tidak lagi diminta fikiran atau dibawa berunding dalam perkara umum yang mengenai umat Islam dan ahli-ahlinya layak tidak layak, adalah dilantik oleh mereka sesama mereka sahaja – yang akhirnya tidak dapat memuaskan hati – sekalipun yang melantik itu tuan gabenor tetapi yang menjadikannya adalah ahli-ahli Majlis itu sendiri.

Ketiadaan puas hati itu sekarang sudah timbul dan kita cukup mengetahui bahawa ada banyak daripada ahli-ahli Majlis itu orang yang tidak cukup berkelayakan duduk di sana maka sudah sepatutnya Tuan Yang Terutama Gabenor mengatur dan menyusun semula ahli-ahli majlis itu dengan mendudukkan orang-orang yang cukup berkelayakan di majlis itu – tidak seperti sekarang ini ada sebahagiannya yang masih kita boleh menyebutkan masih ada segelintir orang yang buta kayu dalam perkara agama.

Kita menghadapi demikian kerana Majlis itu adalah menjadi perantaraan di antara orang-orang Islam dengan kerajaan di dalam perkara yang mengenai agama Islam yang berhajat di dalamnya duduk orang-orang yang cukup mengerti dalam hal itu dan jangan ia dijadikan tempat yang boleh disebut “berkelayak” sahaja sebab zaman “berkelayak” itu telah lewat masanya.